



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI KEDAH**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957 manakala pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, laporan hendaklah dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bagi memperkenannya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah.
3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2020 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 18 Julai 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri**

- a. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 ini, pengauditan prestasi telah dilaksanakan di Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah (UPUK). Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Pengurusan Program Peningkatan Usahawan Negeri Kedah telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk melahirkan usahawan yang berpengetahuan, berkemahiran dan sentiasa berusaha meningkatkan nilai produk.
- b. Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa objektif program peningkatan usahawan negeri Kedah tidak tercapai sepenuhnya. Hal ini disebabkan terdapat program yang tidak dapat diteruskan kerana tidak diselia dengan sewajarnya. Keadaan ini berlaku kerana UPUK tidak menetapkan sebarang indikator untuk mengukur pencapaian keberhasilan terhadap program/aktiviti yang dijalankan. Terdapat kelemahan dalam pengurusan Skim Pinjaman Mikro Kredit (SPMKK) yang meliputi aspek prestasi bayaran balik, pengurusan bayaran balik dan tunggakan bayaran balik yang menjelaskan kecekapan program ini.

## **4.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan**

- a. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 ini, pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di Permodalan Kedah Berhad (PKB). Pengauditan pengurusan syarikat kerajaan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat melalui pengurusan aktiviti yang cekap, berhemat dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta prestasi kewangan syarikat yang kukuh.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati objektif penubuhan PKB sebagai entiti pelaburan untuk merealisasikan matlamat dasar pembangunan negeri dan negara berpandukan kepada dasar yang diputuskan oleh Kerajaan negeri belum tercapai sepenuhnya. Prestasi pendapatan bagi aktiviti penyewaan aset adalah baik namun prestasi pendapatan bagi aktiviti pembangunan harta tanah kurang memuaskan. Manakala aktiviti pelaburan tidak memuaskan. Amalan tadbir urus korporat PKB berada pada tahap kurang memuaskan kerana tidak mengamalkan sepenuhnya lapan daripada sembilan aspek amalan tadbir urus korporat yang baik. Selain itu, kedudukan kewangan PKB berada pada tahap kurang stabil. Tunai dan kesetaraan tunai menunjukkan defisit bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.
5. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan sebanyak lapan syor kepada

jabatan/syarikat yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

6. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 18 Julai 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 18 Julai 2022 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

18 Julai 2022

18 Zulhijjah 1443H